

Semangat, kecekelan perlu dimiliki siswa-siswi baru pikul amanat ibu bapa: Dr Kamaruzaman

NST 14/09/2011 2

KOTA KINABALU: Semangat dan kecekelan harus dijadikan pendorong demi memikul tanggungjawab dan amanat yang telah diberikan oleh ibu bapa, keluarga dan sahabat, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Beliau berkata, semangat siswa-siswi yang baru dalam menjadi warga UMS sememangnya merupakan satu perjuangan dalam menempuhi cabaran menuntut ilmu di universiti ini yang rata-ratanya berasal dari tempat yang jauh.

"Pengorbanan untuk berpisah dengan keluarga dan dan sanak saudara adalah merupakan satu detik yang sangat memilukan.

"Di sinilah tempat anda meningkatkan lagi tahap akademik anda dan menjadi masyarakat yang berguna kelak selepas menamatkan pengajian," katanya.

Berucap sempena Majlis Perasmian Penutupan Minggu Suai Mesra (MSM) Sesi 2011/2012 di Dewan Canselor, UMS baru-baru ini, beliau

menjelaskan bahawa program minggu orientasi yang telah dijalankan oleh pihak universiti bukanlah bertujuan untuk mendera, membuli dan jauh sekali untuk membuat para siswa dan siswi merasa teretek tetapi ianya adalah satu pengorbanan yang harus ada pada diri setiap individu yang bergelar mahasiswa.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni), Prof. Madya Dr.Hj Kasim Hj. Md Mansur, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr.Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pendaftar UMS, Mejar (K) Abdullah Said, Bendahari UMS, Haji Rizal Othman, Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Awg Amit, dekan-dekan sekolah, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan dan para pensyarah.

Katanya, sebagai remaja yang beralih dari zaman persekolahan ke institusi pengajian tinggi, para siswa-siswi harus merebut peluang dalam mencari apa yang diminati



BUAT KENANGAN ... Dr. Kamaruzaman (tengah) menerima cendera hati daripada Dr. Haji Kasim (kanan) sambil diiringi oleh Dr. Sharifuddin (kiri).

dan hendak diceburi.

"Di sinilah anda memperkasakan usaha ke arah mencapai cita-cita agar dapat direalisasikan seperti mana yang anda impikan.

"Di sinilah juga matlamat hidup anda sebagai individu yang bertuah dengan menyelami ilmu pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi," kata Dr. Kamaruzaman.

Beliau menyarankan kepada semua siswa dan siswi agar mengambil peluang untuk turut bergiat aktif dalam bidang ko-kurikulum sama ada dalam bidang sukan, aktiviti persatuan, kebudayaan, berkarya atau khidmat masyarakat sementara berada di universiti.

"Di sebalik kesibukan dan keghairahan anda dalam menuntut ilmu jangan lupa ten-

tang aspek kesihatan dan ke-bajikan serta tanggungjawab anda selaku pelajar.

"Kesihatan tubuh badan, kebersihan persekitaran, keselamatan peribadi dan rakan di universiti ini serta harta benda universiti adalah tanggungjawab kita bersama," katanya. - OLEH MIZRON MARALANG
mizron@newsabah-times.com.my